



PETIKAN AKHBAR

MSSB masih pegang 51 peratus saham pemilikan bangunan Exchange 106 – MoF

PETIKAN AKHBAR | 11 APRIL 2021



BERNAMA

KUALA LUMPUR, 11 April – Kementerian Kewangan (MoF) menegaskan bahawa MKD Signature Sdn Bhd (MSSB), syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) masih kekal sebagai pemegang saham utama Mulia Property Development Sdn Bhd (MPDSB) dan tidak wujud sebarang perjanjian jualan saham kepada mana-mana pihak.

Dalam kenyataan pada Ahad, MoF berkata MPDSB merupakan pemilik bangunan Exchange 106 bagi Projek Tun Razak Exchange (TRX).

“Keputusan penglibatan MSSB di dalam pembangunan Exchange 106 pada 19 Julai 2017 dibuat bagi memelihara kepentingan projek TRX yang terpalit dengan isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB) kerana kesukaran MPDSB mendapatkan pinjaman untuk membiayai projek tersebut.

“Penjualan saham MSSB dalam syarikat MPDSB adalah tertakluk kepada Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian

Pemegang Saham yang dimeterai pada 2017 yang mana Mulia International Ltd (MIL) mempunyai hak untuk melaksanakan 'Call Option' (Opsyen Beli) untuk membeli semula 51 peratus saham MSSB pada harga yang telah dipersetujui dan setelah menjelaskan pinjaman yang diberikan oleh MSSB," katanya.

Kenyataan MoF itu sebagai mengulas satu laporan media berhubung dakwaan penjualan saham milik MSSB tersebut.

Menurut MoF, MSSB telah mengambil alih 51 peratus saham dalam MPDSB pada 19 Julai 2017 daripada MIL manakala baki 49 peratus dimiliki oleh MIL.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK 1

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK